



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Jumaat, 19 Ogos 2022	
1	Penternak cilik raih RM10,000 jual anak ayam
2	Budak 8 tahun jadi tauke ayam

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Penternak cilik raih RM10,000 jual anak ayam

Budak 8 tahun
promosi dalam
Facebook,
pernah cecah
jualan 3,200
ekor sehari

Oleh Ahmad Rabiul
Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Besut: Biarpun baru berusia lapan tahun, siapa sangka, Ahmad Faiq Adrian Mohamad Firdaus, mampu meraih hasil sehingga RM10,000 sebulan daripada jualan anak ayam kampung putih (Hyline White).

Ahmad Faiq berkata, dia bermula dengan menernak ayam sebagai hobi sebelum mengambil inisiatif menjual anak ayam melalui Facebook dan tidak menjangka mendapat sambutan yang sangat menggalakkan.

"Saya mendapat dorongan dan bimbingan daripada bapa, Mohamad Firdaus Ismail, 40, dan ibu, Normah Ahmad, 36.

"Bapa membeli anak ayam daripada pembekal



Ahmad Faiq dari Kampung Lak Lok Dalam, Besut menunjukkan anak ayam kampung putih yang ditenak.
(Foto Ahmad Rabiul Zulkifli/BH)

iaitu bapa saudara, Mustapa Omar, secara pukal sebelum menjual melalui promosi media sosial.

"Paling tinggi saya pernah menjual anak ayam 3,200 sehari berharga RM10 untuk empat anak ayam.

"Rata-rata pelanggan membeli anak ayam dengan kuantiti banyak untuk ditenak secara komersial dan sebahagianya membeli untuk ditenak di kawasan rumah.

"Istimewa anak ayam kampung putih dijual itu kerana ia cepat membesar

dan boleh dijual," katanya dari Kampung Lak Lok Dalam, Besut.

Beri dorongan

Sementara itu, Mohamad Firdaus berkata, dia memberi dorongan kepada anaknya itu kerana menyedari minat anaknya dalam bidang penternakan dan perniagaan.

"Sebelum ini, Ahmad Faiq gemar mengikuti bapa saudaranya menjual pelbagai jenis ayam di Pasar Tani dan Ekspo Pertanian," katanya.

Budak 8 tahun jadi tauke ayam

Pernah jual 3,200 anak ayam kampung dalam sehari

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Besut

Siapa sangka walaupun baru berusia lapan tahun, Ahmad Faiq Adrian Mohamad Firdaus kini berstatus usahawan hasil jualan anak ayam kampung putih (*Hyline White*) yang dipeloporinya sejak setahun lalu.

Malah, dia turut meraih pendapatan bulanan lumayan melalui hasil jualan berkenaan.

"Saya juga pernah menjual 3,200 anak ayam kampung dalam tempoh sehari. Ia dijual pada harga RM10 untuk empat anak ayam," katanya yang berasal dari Kampung Lak Lok Dalam di sini.

Ketika ditemui, Ahmad Faiq Adrian berkata, dia bermula dengan memelihara ayam sebagai hobi sebelum



Saya juga pernah menjual 3,200 anak ayam kampung dalam tempoh sehari. Ia dijual pada harga RM10 untuk empat anak ayam"

Ahmad Faiq Adrian

mengambil inisiatif menjualnya melalui Facebook (FB), malah tidak menjangka mendapat sambutan menggalakkan.

Katanya, usahanya itu turut didorong selain dibimbing bapa, Mohamad Firdaus Ismail, 40, dan ibu, Normah Ahmad, 36.

"Bapa membeli anak ayam daripada pembekal iaitu bapa saudara, Mustapa Omar secara pukal sebelum saya menjualnya melalui promosi di FB.

"Sebahagian pelanggan membeli anak ayam dalam kuantiti besar untuk diternak secara komersial selain ada juga yang memelihara di kawasan rumah.

"Istimewanya, anak ayam kampung putih ini cepat membesar dan boleh dijual," katanya.

Sementara itu, Mohamad Firdaus berkata, dia memberi dorongan kerana anaknya meminati bidang penternakan dan perniagaan.

"Sebelum ini, Ahmad Faiq Adrian gemar mengikuti bapa saudaranya menjual pelbagai jenis ayam di pasar tani dan ekspedisi pertanian.

"Saya dan isteri sepakat mengeluarkan modal untuk membeli anak ayam sebelum Ahmad Faiq Adrian menjualnya," katanya.

Menurutnya, dia tidak menyangka jualan itu mendapat sambutan menggalakkan, malah akan terus menyokong perniagaan anaknya itu.



AHMAD Faiq Adrian dari Kampung Lak Lok Dalam, Besut menunjukkan anak ayam kampung putih (*Hyline White*) yang dijualnya. - Gambar NSTP/AHMAD RABIUL ZULKIFLI